



Rujukan : MITI.100-5/15/12 Jld 4

Tarikh : 9 Mac 2021

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN BAGI SEKTOR EKONOMI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang sedia maklum, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan telah dilancarkan pada 24 Februari 2021 yang meliputi tiga (3) fasa mengikut kumpulan sasaran seperti berikut:

- (i) Fasa 1 (Februari – Mei 2021) – vaksin bagi petugas barisan hadapan;
- (ii) Fasa 2 (April – Ogos 2021) – vaksin bagi kumpulan berisiko tinggi seperti warga emas dan pesakit penyakit *comorbid*; dan
- (iii) Fasa 3 (Mei 2021 – Februari 2022) – vaksin bagi kategori selain daripada Fasa 1 & 2.

3. Bagi membantu menjayakan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan *herd immunity* termasuk di kalangan industri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) ingin menyarankan agar Persatuan-persatuan Industri dan Dewan-dewan Perniagaan menggalakkan pekerja-pekerja syarikat dalam industri masing-masing untuk mendaftarkan diri secara sukarela dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Sehubungan dengan itu, MITI memohon **kerjasama** pihak **Persatuan**

Industri dan Dewan Perniagaan membantu **menyelaraskan maklumat** syarikat-syarikat yang sekurang-kurangnya 80% pekerja syarikat (tempatan dan asing) telah mendaftar secara sukarela untuk mendapatkan imunisasi melalui **aplikasi MySejahtera** dan **laman web www.vaksinovid.gov.my/daftar_vaksin.html**. Maklumat ini bertujuan untuk memudahcara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

4. Syarikat-syarikat dikehendaki untuk mengemukakan maklumat dengan **mengisi templat Microsoft Excel seperti di Lampiran** dan menghantar kepada Pn Norafizah Mohd Riza, (norafizahm@miti.gov.my); Pn Hazel Lo Moong Hua, (hazel@miti.gov.my) dan En Fahd Jamaludin, (fahd@miti.gov.my) sebelum **19 Mac 2021 (Jumaat)**.

Sekian.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI NORAZMAN AYOB)

Timbalan Ketua Setiausaha (Industri)

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri